

TARIKH	ISNIN, 2 DISEMBER 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	100 NEGARA SOKONG PERJANJIAN HADKAN PENGELUARAN PLASTIK
M/S	41
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	PLASTIC

Luar Negara

Utusan Malaysia
ISNIN • 2 DISEMBER 2024

41

100 negara sokong perjanjian hadkan pengeluaran barangan plastik

BUSAN: Rundingan terakhir bagi mencapai perjanjian antarabangsa untuk mengawal pencemaran plastik memasuki fasa genting apabila lebih 100 negara menyokong cadangan menghadkan pengeluaran plastik.

Sokongan itu bagaimanapun berdepan tentangan sengit daripada segelintir negara pengeluar minyak yang mahu fokus hanya diberikan kepada penerusan sisa.

Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Perunding Antara Kerajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (INC-5), yang bertujuan menghasilkan perjanjian antarabangsa yang sah dari segi undang-undang, berakhir

di Busan, semalam.

Perjanjian yang diharapkan daripada rundingan ini dianggap paling signifikan sejak Perjanjian Paris 2015 dalam menangani perlindungan alam sekitar dan isu pemanasan global.

Menurut laporan, negara-negara masih tidak mencapai kata sepakat mengenai skop asas perjanjian itu.

Usul Panama yang disokong lebih 100 negara mencadangkan sasaran global untuk mengurangkan pengeluaran plastik, manakala cadangan lain langsung tidak membenarkan sebarang had pengeluaran.

"Kita perlu menangani keseluruhan kitaran hayat plastik.

Kita tidak boleh hanya bergantung kepada kitar semula untuk menyelesaikan krisis ini," kata Duta Khas EU untuk Iklim dan Alam Sekitar, Anthony Agotha.

Negara-negara pengeluar petrokimia seperti Arab Saudi terus membantah usaha menghadkan pengeluaran plastik.

Pengeluaran plastik dijangka meningkat tiga kali ganda menjelang 2050, dengan mikroplastik kini dikesan dalam udara, hasil tanaman segar dan susu ibu. Laporan 2023 oleh Program Alam Sekitar PBB menyenaraikan lebih 3,200 bahan kimia berbahaya dalam plastik yang memberi risiko tinggi kepada wanita dan kanak-kanak. - AGENSI

PELAMPUNG plastik memancing dan serpihan lain yang dihanyutkan air laut di sepanjang pantai kepulauan Miaodao di Yantai, wilayah Shandong, timur China. - AFP



DISEDIAKAN
OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM